

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 6 TAHUN 2019**

Tarikh : 27 Jun 2019 (Khamis)

Masa : 10.00 pagi hingga 12.30 tengahari

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Amizi Bin Aminuddin, Penolong Pegawai Tadbir Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN PENGERUSI

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa

mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 6/2019. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan Jun 2019. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN Bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Perkongsian pengalaman menyertai *First United Nation Habitat Assembly* bertempat di Nairobi, Kenya pada 27 sehingga 31 Mei 2019. Beliau hadir atas jemputan *United Cities And Local Government* yang bernaung di bawah *United Nation*. Persidangan ini telah dihadiri lebih 3,000 keahlian melibatkan Presiden Negara Afrika, Perdana Menteri beberapa Negara, wakil-wakil kerajaan tempatan, Datuk Bandar, NGO serta pemimpin persatuan

perniagaan. Persidangan kali ini juga turut melibatkan pertubuhan yang memikirkan tentang penempatan atau kemudahan asas perumahan bagi seluruh negara-negara di bawah naungan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Beliau telah diberi peluang mewakili Kerajaan Tempatan di Peringkat Asia Pasifik untuk berkongsi pengalaman berkenaan dengan topik *Localizing Agenda 2030* yang berhubung dengan perkara-perkara yang melibatkan pelaksanaan di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi mencapai *Sustainable Development Goals*. Negara-negara di bawah Pihak Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menandatangani satu persetujuan bahawa untuk menjaga kemaslahatan planet bumi dan semua negara telah bersetuju untuk mengamalkan dan mencapai 17 *Sustainable Development Goals (SDG)*. Perkara yang telah ditetapkan bagi mencapai 17 *Sustainable Development Goals (SDG)* ini diperhalusi lagi di bawah *New Urban Agenda(NUA)*.

Malaysia merupakan salah satu anggota PBB yang telah menandatangani persetujuan ini. Oleh itu, ia perlu melaksanakan dan membuktikan bahawa persetujuan tersebut tidak sia-sia dan MPSJ di Peringkat Tempatan juga perlu menghayati matlamat tersebut dan cara pelaksanaannya.

Sejak tahun 2018, MPSJ telah melaksanakan projek yang selaras dengan slogan Kerajaan Negeri Selangor iaitu Maju Bersama serta selari dengan perkara yang telah dimenterai dalam SDG dan

NUA iaitu *leave no one behind*. MPSJ telah turun tapak mendalami keperluan dan kehendak penduduk dengan melaksanakan program memberdayakan masyarakat yang tinggal di perumahan kos rendah dalam kawasan pentadbiran MPSJ. Pada tahun 2018, MPSJ telah melaksanakan 2 pilot projek rejuvernasi dan tahun 2019 MPSJ telah mengembangkannya kepada 24 lokasi. Tugas MPSJ bukan sahaja menghulurkan bantuan dari segi kewangan tetapi juga menjalinkan serta menghubungkan masyarakat dengan organisasi dan NGO yang berkaitan. Selain itu, MPSJ juga telah melaksanakan program kelestarian alam sekitar iaitu Projek Rejuvernasi Sungai yang menelan belanja yang kecil serta mendapat penglibatan dan bantuan pihak swasta.

Kejayaan projek-projek ini telah dikongsi bersama Negara-Negara Ketiga yang lain dengan memberikan gambaran, contoh dan cara pelaksanaan projek yang dilakukan tanpa memerlukan dana yang besar. Kerjasama semua pihak akan dapat menjayakan SDG dan NUA seperti kata pepatah *If U can't do great things, do small things in a great way* dan *U don't have to be a Superman to change the world, just change yourself*.

- v) Bermula 1 Julai 2019, MPSJ akan memperkenalkan Permit Kerja-Kerja Kecil Bangunan bagi kerja-kerja pengubahsuaian kecil di bangunan bertujuan untuk mengawal pengurusan sisa binaan. Permit kerja-kerja kecil bangunan ini merangkumi semua kategori bangunan iaitu kediaman, komersial dan industri. Pemilik bangunan boleh memohon terus permit kerja-kerja kecil dari pihak

MPSJ tanpa menggunakan khidmat konsultan (arkitek/jurutera). Pemilik premis hanya perlu mengisi borang permohonan yang boleh dimuat turun dalam laman sesawang MPSJ.

Kadar fi permit adalah RM 100.00 dan cagaran sisa binaan sebanyak RM 250.00. Kerja-kerja kecil yang terlibat adalah :-

- i. Penukaran kemasan lantai/dinding ('tiling work')
 - ii. Pemasangan in-situ 'grill' pintu/ tingkap
 - iii. Membina "table top" dan kabinet dapur
 - iv. Memasang atau mengganti siling lepa
 - v. Mengubahsuai aksesori sanitari
 - vi. Membina kolam ikan yang tidak melebihi kedalaman 0.5 meter
 - vii. Membina pergola / kolam ikan / rumah haiwan / rumah ibadat / pondok atau rumah hijau yang tidak melebihi 1 meter persegi atau apa-apa kerja ubahsuai yang tidak melibatkan perubahan struktur dan sebagainya.
- vi) MPSJ telah mewujudkan Tabung Amal MPSJ. Tabung ini telah dilancarkan di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MPSJ pada 21 Jun 2019 bersempena Majlis Jamuan Hari Raya MPSJ 2019. Penubuhan tabung ini bertujuan untuk membantu komuniti terutama Kumpulan B40 di seluruh kawasan pentadbiran MPSJ serta menjadi saluran CSR kepada pihak swasta atau individu bagi menyumbang kepada projek atau program komuniti. Di antara projek yang direncanakan pada tahun ini adalah seperti berikut:

- Pemberian 10 unit komputer kepada pelajar cemerlang yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah. Anggaran kos diperlukan: RM 25,000.00
- Pembaikan infrastruktur di rumah kos rendah seperti pembaikan tangka air, *gutter* dan sebagainya. Anggaran kos diperlukan: RM 100,000.00

Pelbagai saluran telah disediakan bagi memudahkan penderma / penyumbang yang bermurah hati untuk membuat sumbangan ke Tabung Amal MPSJ seperti berikut:

- Menderma secara tunai di kaunter perkhidmatan MPSJ
- Menggunakan aplikasi QR PAY – MAYBANK
- Pindahan wang secara perbankan atas talian (online).
- Penyediaan cek atas nama TABUNG AMAL MPSJ

Sejumlah RM 24,064.00 serta 4 Unit Komputer Riba telah berjaya dikumpulkan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya semasa Majlis Pelancaran Tabung Amal MPSJ.

- vii) Pesta Gen-S Sempena Piala Kabaddi MPSJ 2019 akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 27 Julai 2019 (Sabtu)
Masa : 8.00 Pagi – 10.00 Malam
Lokasi : Stadium MPSJ, Serdang Jaya

Petandingan Pesta Sukan Gen-S ini terbuka kepada semua PeBT seluruh Selangor dan juga terbuka kepada Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) yang berminat dan berumur dari 16 tahun hingga ke 30 tahun. Peserta yang ingin menyertai pertandingan tetapi bukan di bawah PBT serta bukan anak Selangor perlu mendapatkan surat pengesahan pemastautin dari Ketua Kampung / Penghulu terlebih dahulu.

Permainan ini dimainkan 7 orang sahaja sepasukan dan 5 orang sebagai pemain simpanan. Yuran penyertaan adalah RM 100.00 bagi setiap pasukan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi Encik Ahmad Fairuz bin Fadzil di talian 012-2263356.

viii) Program Karnival Usahawan Pemangkin Ekonomi MPSJ 2019 akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 27 Julai 2019 (Sabtu)
Masa : 8.00 Pagi – 5.00 Petang
Lokasi : Stadium MPSJ, Serdang Jaya

Pelbagai program / aktiviti yang menarik akan dilaksanakan seperti :

- Seminar Usahawan meliputi modul Tatacara Menabung dan Keupayaan, Keupayaan Menjana Modal, Tatacara Pemasaran dan Perkongsian “online”
- Bengkel Masakan

- Bengkel Gubahan
- Pertandingan Karaoke dan Sukaneka
- Pertandingan mewarna
- Pembukaan kaunter/*booth* agensi luar (HIJRAH / TEKUN / Pusat Zakat / e-Kasih / Bank Rakyat dan lain-lain)
- *Eco Free Market*
- Penglibatan booth Pameran Jabatan Dalaman MPSJ melibatkan Jualan Baja Kompos, Tatacara Permohonan Lesen, Kaunter Bayaran Pelbagai dan *Wish List*.
- Tapak pameran dan jualan produk (IKS) tempatan (kraftangan / makanan dan lain)

Sasaran peserta yang akan terlibat dalam program ini adalah Jawatankuasa Penduduk MPSJ (JKP), Para Usahawan Wanita Kawasan Pentadbiran MPSJ, Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Pelajar Lulusan Sekolah, Komuniti setempat, NGO, Persatuan dan Kelab, Orang Kelainan Upaya, Penggerak Belia Tempatan MPSJ (PeBT), Peserta dari Dewan Perniagaan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi Puan Norsafinas binti Ab Hamid di talian 013-3838344.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 05/2019

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 05/2019 yang telah diadakan pada 29 Mei 2019 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.2 & m/s 2	Encik Tai Cheng Heng	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Tempat Penyimpanan Barang dan Kereta Terbuka Sementara Di Atas GM 379(Lot 2281) Jalan BS 5/27, Taman Serdang heights, Seri Kembangan (Kertas Kerja Bil. 150/09/37/2019)	Beliau ingin penjelasan mengapa MPSJ memberikan kelulusan terhadap permohonan ini memandangkan pemilik sudah meletakkan kenderaan berat di lokasi. Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa OSC bil 1/2019 telah menolak permohonan Kebenaran Merancang Material Tanah bagi tujuan tempat simpanan barang dan jentera terbuka. Walau bagaimanapun,

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>pemohon telah mengemukakan Permohonan baharu bagi tempat simpanan kereta dan barangan sementara dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC bil. 9/2019 bertarikh 23 Mei 2019.</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta agar tindakan penguatkuasaan diambil sekiranya pemohon tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Penguatkuasaan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 7.4.1 & m/s 15	Encik Keshmin der Singh a/ K.Karam Singh	Tindakan ke atas pemilik kedai-kedai usang di depan KTM Batu 3	<p>Beliau memaklumkan bahawa pemilik tanah enggan membuat pembersihan di lokasi tersebut serta memberi ugutan kepada beliau supaya tidak masuk campur di dalam urusan tanah tersebut. Laporan polis akan dibuat terhadap ugutan tersebut. Mohon MPSJ mengambil tindakan terhadap struktur kedai usang kerana keadaan persekitaran yang teruk.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Tanah tersebut adalah milik persendirian dan pihak MPSJ tidak boleh memaksa pemilik tanah membangunkannya jika pemilik berkaitan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>enggan. Pihak MPSJ hanya boleh mengambil tindakan yang bersesuaian dengan peruntukan yang sewajarnya sahaja.</p> <p>Puan Yang Dipertua menasihatkan Encik Keshminder untuk membuat laporan polis berkenaan ugutan yang diterima dari pemilik tanah tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Bangunan</p>
3.	Para 6.2 & m/s 10	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan Penetapan Dasar Bagi Perjanjian Kerja Kutipan dan Pembersihan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Dengan KDEB	<p>Beliau meminta agar MPSJ dapat memuktamadkan perjanjian antara MPSJ dan KDEB.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Waste Management Sdn. Bhd (KDEBWM)	<p>perjanjian antara MPSJ dan KDEB masih belum dimuktamadkan kerana terdapat beberapa perkara yang tidak dipersetujui oleh kedua-dua pihak.</p> <p>Penasihat Undang-Undang MPSJ akan membuat perjumpaan dengan Penasihat Undang-Undang Negeri pada 1 Julai 2019 untuk membuat penyelarasan berkaitan beberapa keperluan.</p> <p>Tindakan : Makluman</p>

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.06/2019 Bertarikh 13 Jun 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.05/2019 Bertarikh 14 Jun 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.1(iv) & m/s 2	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Laporan Pengurusan Aduan bagi Bulan Mei 2019 oleh Jabatan Korporat dan	Beliau memaklumkan aduan DUN untuk bulan Mei 2019 mengikut kawasan menunjukkan kawasan Seri Serdang mencatatkan aduan paling tinggi. Beliau ingin

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Pengurusan Strategik.	<p>tahu apakah tindakan pihak Majlis bagi mengatasi masalah ini dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa bagi mendapatkan penyelesaian terhadap penyelesaian aduan, banyak perkara perlu diteliti terutamanya berkenaan kategori aduan. Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik perlu membuat kajian khusus berkenaan aduan di kawasan Seri Serdang yang meningkat. Jabatan Audit Dalam juga diminta membuat semakan secara rambang ke atas aduan berkenaan status sebenar penyelesaian aduan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>di tapak.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik / Jabatan Audit Dalam</p>

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.06/2019 Bertarikh 18 Jun 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Yang Dipertua	-	Beliau mengingatkan kepada semua ahli mesyuarat berkenaan status minit mesyuarat Jawatankuasa Kewangan MPSJ adalah bertaraf SULIT. Sehubungan itu, keputusan mesyuarat tidak boleh disebarikan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>sebelum dibuat pengelasan daripada SULIT kepada TERBUKA. Keputusan mesyuarat boleh diedarkan selepas Mesyuarat Penuh MPSJ bersidang.</p> <p>Tindakan : Makluman</p>
2.	Para 5.6 & m/s 9	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh		<p>Beliau ingin tahu apakah prosedur yang perlu dipatuhi oleh pemohon sekiranya ingin membuat permohonan tentang aktiviti di bawah rentisan TNB kerana terdapat aduan berkenaan permohonan mereka ditolak.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa terdapat beberapa aktiviti</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>yang dibenarkan beroperasi di bawah rentis TNB dengan persetujuan bersama antara pihak TNB, Pejabat Tanah dan MPSJ. Antara aktiviti yang dibenarkan adalah :</p> <ul style="list-style-type: none">i) Aktiviti nursery bunga selagi tidak mendirikan pondok / bangunan melebihi ketinggian yang ditetapkan serta tidak menggunakan jengkaut.ii) Aktiviti tempat letak kereta dengan syarat-syarat yang ditetapkan TNB. <p>MPSJ akan menyediakan satu dasar / garis panduan yang jelas berkaitan aktiviti di</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>bawah rentis TNB sebagai rujukan kepada pemohon.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>
3.	Para 5.10 & m/s 13	Encik Keshmin der Singh a/l K.Karam Singh	<p>Laporan berkaitan kegagalan Syarikat Asia Kreatif Sdn. Bhd. untuk mematuhi terma perjanjian bagi projek penswastaan di antara MPSJ dengan Asia Kreatif Sdn.Bhd di Lot 254,255 dan 256, Batu 3, Mukim Damansara Daerah Petaling</p>	<p>Beliau menyokong sekiranya perjanjian antara MPSJ dengan Syarikat Asia Kreatif Sdn. Bhd. tidak diteruskan kerana pihak syarikat kerap melanggar syarat perjanjian.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Syarikat Asia Kreatif Sdn. Bhd. gagal mematuhi terma perjanjian yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, perjanjian tidak akan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			(Kertas Mesyuarat bil : 100/06/2019)	diteruskan di masa akan datang. Makluman

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.10/2019 Bertarikh 19 Jun 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.5 & m/s 12	Encik Yap Kok Weng	Permohonan Kebenaran Merancang Kertas Kerja Bil : 146/09/42/2019	Beliau mempersoalkan berkaitan keputusan yang dicatatkan iaitu LULUS. Berdasarkan mesyuarat, keputusan adalah TANGGUH dan perlu dibincangkan semula kerana terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>pemohon.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua memutuskan bahawa Perkara 3.5 : Permohonan Kebenaran Merancang, Kertas Kerja Bil : 146/09/42/2019 (Untuk Esplanade Parkcity Sdn.Bhd.(398150-M) untuk dibawa semula ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan MPSJ untuk menetapkan syarat-syarat yang dinyatakan oleh Jawatankuasa dalam Mesyuarat OSC yang lepas dipatuhi dan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>diberikan cadangan balas oleh pihak pemaju.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>
2.	Para 5.9 & m/s 59-61	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Kertas Kerja Bil : 161/10/47/2019 (MPSJ.JPB.BP7.600-1/1/21)	Beliau menyatakan bahawa beliau tidak mahu isu yang sama berlaku di kawasan Seri Serdang apabila pembinaan kondominium telah menyebabkan bantahan daripada penduduk. Bantahan yang dibuat bukan sahaja terhadap isu berkaitan trafik, malah turut melibatkan isu kemudahan asas penduduk seperti kepadatan pelajar di

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>sekolah serta keadaan sosial di kawasan setempat. Beliau berharap, perkara ini dapat dibangkitkan dalam Mesyuarat OSC akan datang.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini perlu diambil kira dengan serius sebelum pertimbangan dibuat di peringkat Jawatankuasa OSC. <i>Social Impact Assesment</i> juga perlu dibuat sekiranya terdapat isu-isu berkaitan dari segi kiraan kemudahan awam serta implikasi sosial.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar
3.	Para 5.16 & m/s 69	Encik Tai Cheng Heng	Permohonan Kebenaran Merancang bag1 Membuat Perubahan Material Kegunaan Bangunan daripada Kediaman kepada Pusat Jagaan Warga Tua di Alamat No.16, Jalan BS 5/21B, Seksyen 5, Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan	<p>Beliau ingin tahu mengapa MPSJ memberi kelulusan terhadap permohonan ini memandangkan permohonan sebelum ini telah ditolak.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ terpaksa akur serta meluluskan permohonan tersebut tertakluk kepada keputusan Lembaga Rayuan yang telah meluluskan rayuan tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.05/2019 Bertarikh 19 Jun 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.2 & m/s 12	Encik Yap Kok Weng	Laporan Jabatan Kesihatan bagi bulan Januari hingga Mei 2019	Beliau ingin tahu berkenaan jumlah peruntukan dari Kerajaan Negeri untuk program kawalan denggi di setiap JKP. Adakah JKP masih mempunyai peruntukan tersebut atau baki peruntukan telah disalurkan kepada kawasan hot spot denggi? Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>baki peruntukan daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM 73,000.00 akan digunakan di 15 kawasan MPSJ yang disenaraikan sebagai kawasan hot spot denggi.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>
2.	Para 7.1.3 & m/s 16	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Masalah berkaitan anjing liar	<p>Beliau ingin tahu apakah tindakan pihak Majlis terhadap masalah anjing liar dari segi jangka masa pendek dan jangka masa panjang.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Jawatankuasa Mesyuarat Kesihatan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				dan Kesejahteraan Bandar MPSJ perlu bersama-sama memikirkan kaedah dan alternatif baharu yang bersifat <i>animal friendly</i> dan berkesan. Perkara ini akan dibincangkan dan dibahaskan di dalam mesyuarat. Tindakan : Jabatan Kesihatan

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya bil. 06/2019 bertarikh 20 Jun 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.06/2019 Bertarikh 20 Jun 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.0 & m/s 2	Encik Tai Cheng Heng	Status Pewartaan Di Jajaran Transit Aliran Ringan (LRT) bagi Laluan Kelana Jaya (KLJ) dan Ampang (AMG) di Kawasan MPSJ Oleh : Prasarana Malaysia Berhad	Beliau memaklumkan berkenaan situasi apabila sesebuah syarikat mendapat tanah daripada pihak Majlis untuk tujuan tertentu namun disebabkan masalah bajet, pembinaan tersebut tidak dapat dilaksanakan. Beliau mencadangkan, Majlis meletakkan kepada syarikat tersebut syarat mewajibkan syarikat yang gagal melaksanakan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>pembinaan supaya melaksanakan pembinaan tersebut dalam tempoh 2 tahun. Sekiranya selepas tempoh tersebut syarikat masih gagal melaksanakan pembinaan yang ditetapkan, Majlis berhak menarik semula tanah tersebut. Beliau turut mencadangkan supaya status tanah diwartakan dengan jelas agar tidak disalahgunakan dari kelulusan asal.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ perlu mempunyai maklumat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>yang jelas samada :</p> <ul style="list-style-type: none">i) Majlis pernah memberikan tanah Majlisii) Tanah tersebut dibeli oleh syarikatiii) Tanah tersebut merupakan tanah Kerajaan. <p>Pejabat Tanah yang bertanggungjawab menetapkan syarat kepada syarikat yang gagal melaksanakan pembinaan.</p> <p>Walau bagaimanapun, MPSJ boleh menghantar surat kepada Pejabat Tanah bagi mendapatkan status tanah tersebut dan langkah mewartakan tanah dengan jelas</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>merupakan cadangan yang bagus untuk dilaksanakan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>
2.	Para 2.0 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	<p>Taklimat Berkenaan Status Kerja-kkerja Yang Tertanggung Di Jajaran Projek Transit Aliran Ringan (LRT) bagi Laluan Kelana Jaya (KLJ) dan Ampang (AMG) di Kawasan MPSJ Oleh : Prasarana Malaysia Berhad</p>	<p>Beliau berpendapat keputusan mesyuarat perlu diubah kepada Mesyuarat meminta Jabatan Kejuruteraan untuk meyemak semula jumlah wang cagaran bagi laluan Kelana Jaya untuk dipertimbangkan semula keperluan pemulangan semula wang cagaran. Beliau berpendapat wang cagaran tersebut boleh digunakan untuk membaiki kerosakan yang tidak diperbaiki oleh pihak syarikat.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa wang cagaran yang diletakkan adalah di atas perkara yang berbeza. Perbuatan menahan wang cagaran dan menggunakan wang tersebut bagi kegunaan membaik pulih kerosakan yang lain adalah salah disisi undang-undang.</p> <p>Jabatan Kejuruteraan diminta menyemak semula tujuan pembayaran wang cagaran tersebut serta status kerja samada telah sempurna atau tidak. Perkara ini akan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				dibentangkan dalam mesyuarat akan datang. Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

6.0 PEMBENTANGAN USUL

6.1 USUL MOHAN SINGH A/L SURTAR SINGH

Usul ini disediakan dan dibentangkan oleh Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh, Ahli Majlis MPSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Puan Yang Dipertua memaklumkan usul ini akan direkodkan dan cadangan untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Kecil bagi membincangkan isu berkaitan rumah ibadat bukan Islam akan diberi maklum balas dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan: Jabatan Perancangan Bandar

7.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.

Tarikh Disediakan : 27 Jun 2019

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | | Pengerusi
Mesyuarat |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 5. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 6. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 7. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 8. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |
| 9. | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman | - | " |
| 10. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 11. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 12. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 13. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 14. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 15. | Encik Thamilarasu Sandayan | - | " |
| 16. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 17. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 18. | Puan Ng Seow Chen | - | " |
| 19. | Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi | - | " |
| 20. | Encik Koh Eng Kee | - | " |
| 21. | Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim | - | " |
| 22. | Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan

2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S -
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

3. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan

7. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

8. Puan Hj. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil

9. Puan Hjh Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
11. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
14. Sr. Mohd Marwan bin khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
15. Puan Rosmawati binti Zainuddin, A.I.S
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
16. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
17. Puan Zamzamah binti Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan OSC

18. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
19. Encik Sabbit Akmal bin Idrus
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti
20. Encik Mohamad Asmadi bin Nor Hatim
Penolong Juruaudit Kanan, Unit Audit Dalam

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli - Ahli Majlis
2. Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
3. Encik Chia Yew Ken - "
4. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
5. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
6. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam

7. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integiriti

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan